

Perubahan kalender IPTA tidak jejas lepasan SPM

KUALA LUMPUR: Perubahan kalendar akademik institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari Jun ke September hanya membabitkan pelajar peringkat ijazah pertama dan tidak memberi sebarang kesan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Beliau berkata, ini berikutan sesi pengambilan program diploma dan peringkat asasi untuk lepasan SPM masih kekal pada Jun, manakala pelajar matrikulasi tamat menjalani program itu pada Mei.

“Bagi lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pula, mereka boleh mengisi waktu (antara tarikh keluar keputusan hingga kemasukan ke universiti) dengan mengikuti kelas pengukuhan bahasa di kolej komuniti di seluruh negara.

“Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sudah membincangkan penyelarasan kalendar akademik ini dengan Kementerian Pelajaran (KPM) melalui Jawatankuasa Permuafakatan,” katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang memetik Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Dr Wee Ka Siong, meminta KPT melakukan kajian menyeluruh terhadap cadangan penyelarasan kalendar akademik IPTA dari Jun ke September kerana ia turut memberi kesan kepada tempoh menunggu lepasan SPM dan matrikulasi untuk ke universiti.

Sementara itu, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) dalam kenyataan media berasingan mengenai isu sama, berkata perubahan kalendar akademik sudah dipersetujui hanya membabitkan pelajar ijazah pertama bagi lepasan STPM/Matrikulasi/Diploma/dan setaraf.

“Kemasukan lepasan SPM bagi program peringkat asasi dan diploma tidak berubah serta akan bermula pada 1 Jun 2011. Justeru, penyelarasan ini tidak memberi kesan kepada mereka,” kata kenyataan itu.